



International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



PENGARUH EFIKASI KENDIRI TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

*THE INFLUENCE OF SELF EFFICACY ON ARABIC LANGUAGE
COMPETENCY AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS*

Muhamad Suhaimi Taat^{1*}, Azlin Ariffin²

- ¹ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: suhaimi@ums.edu.my
- ² Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: azlinkb@yahoo.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.03.2020
Revised date: 05.04.2020
Accepted date: 08.04.2020
Published date: 05.06.2020

To cite this document:

Taat, M. S., & Ariffin, A. (2020).
Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap
Penguasaan Bahasa Arab Dalam
Kalangan Murid Sekolah Rendah.
International Journal of Education,
Psychology and Counselling, 5 (35),
10-20.

DOI: 10.35631/IJEPC.535002.

Abstrak:

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat pengaruh efikasi sendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah. Bahasa Arab adalah salah satu daripada tiga bahasa utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Kajian tinjauan ini telah dijalankan ke atas 200 orang murid sekolah rendah di bahagian Pantai Barat Utara Sabah yang telah dipilih secara pensampelan kelompok dan rawak mudah. Instrumen yang digunakan adalah menggunakan borang soal selidik dan set ujian Bahasa Arab. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS. Data yang dikumpul dianalisis secara diskriptif dan inferensi dengan melibatkan analisis korelasi Pearson dan regresi mudah. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan ($r=0.329$, $p<0.01$) dan pengaruh ($R^2=.109$, $p<0.05$) yang signifikan efikasi sendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab murid-murid. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi maklumat yang berguna untuk meningkatkan lagi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci:

Efikasi, Kendiri, Penguasaan, Bahasa, Arab

Abstract:

This study was aimed to determine the influence of self-efficacy on Arabic language competency among primary school pupils. Arabic is one of the three major languages that play an important role in human history and civilization. This survey was conducted on 200 primary school students in the northwestern part of Sabah who was selected by using cluster and simple random sampling. The instrument used were the questionnaire and the Arabic test set. The data were analyzed using SPSS software. Then, the data collected were analyzed using descriptive and inferential statistics (Pearson correlation and simple regression). The result found that there was a significant correlation ($r = 0.329$, $p < 0.01$) and also a significant influence ($R^2 = .109$, $p < 0.05$) of self-efficacy on students' Arabic proficiency. It is hoped that this study will be able to provide useful information to improve Arabic language competency among students.

Keywords:

Self, Efficacy, Competency, Arabic, Language

Pendahuluan

Pendidikan Bahasa Arab terus berkembang kerana ia merupakan Bahasa kedua yang perlu dipelajari oleh rakyat Malaysia. Antara tujuan umum mempelajari Bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan Al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Dengan pengenalan bahasa Arab dalam kurikulum di sekolah dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab (Al-Muslim Mustapa & Zami Ariffin, 2012; Zamri Ahmad & Ibtisan Abdullah, 2014; M. Ilham Muchtar, 2015).

Penguasaan murid dalam segala aspek bidang pendidikan adalah salah satu agenda penting yang dititikberatkan dalam pembangunan sesebuah negara. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menjadikan pendidikan sebagai satu titik dan tunjang utama dalam pembangunan negara. Guru-guru perlu bersedia dengan sebarang perubahan dalam dunia pendidikan masa kini (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018a). Seperti yang difokuskan dalam kajian ini ialah efikasi sendiri dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid. Beberapa kajian mendapati bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid adalah paa tahap yang belum memuaskan dan perlu diperbaiki (Mat Taib Pa, 2006; Nik Mahfuzah, 2013) Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan murid-murid dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah ini. Guru-guru dikehendaki untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran khususnya di zaman ledakan maklumat sekarang (Agatha & Muhamad Suhaimi, 2016)

Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umum adalah untuk mengenal pasti penguasaan Bahasa Arab dan efikasi sendiri murid-murid sekolah rendah di bahagian Pantai Barat Utara, Sabah. Secara khusus, kajian ini bertujuan :

- a) Mengetahui hubungan antara efikasi sendiri dengan penguasaan bahasa Arab.
- b) Mengetahui pengaruh efikasi sendiri terhadap penguasaan bahasa Arab.

Hipotesis Kajian

H₀₁ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan penguasaan Bahasa Arab.

H₀₂ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan efikasi sendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab.

Sorotan Literatur

Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan terhadap keupayaan diri dalam menyusun atur dan melaksanakan sesuatu tindakan. Aspek ini penting untuk membolehkan murid-murid dalam menyempurnakan tanggungjawab sebagai seorang murid dengan menguasai konsep dan pengajaran yang disampaikan oleh guru. Dengan adanya efikasi sendiri yang tinggi, ianya dapat meningkatkan tahap keyakinan diri untuk menguasai pembelajaran dan seterusnya membuahakan kejayaan. Begitu juga sebaliknya, apabila kita tidak yakin dengan kemampuan diri, maka kita akan gagal sebelum mencuba sesuatu. Menurut Muhamad Suhaimi dan Mohd Yusof (2014), para pelajar yang berjaya mampu untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri dengan baik. Kesimpulan yang dibuat oleh Ahmad Zabidi (2016) ialah bagi menjadi murid yang terbaik, perlu membina efikasi sendiri yang positif supaya segala cita-cita dan matlamat akan tercapai. Efikasi murid memainkan peranan dalam membentuk peribadi dan jati diri supaya dapat menunjukkan potensi diri yang sebenar.

Setiap individu perlu bersandar kepada kepercayaan efikasi sendiri untuk memimpun gerak laku dan tindakan sepanjang hidupnya (Gladys & Muhamad Suhaimi, 2015). Keadaan ini menjadi pendorong kepada individu untuk menjadi lebih bertenaga, berusaha serta berkemampuan untuk bertahan demi memastikan tugasnya terlaksana (Yusof & Tumairah, 2011).

Bandura (2000) mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kepercayaan seseorang terhadap kebolehan diri untuk menggerakkan sumber kognitif, motivasi dan cara yang dianggap sesuai dan perlu dengan kehendak tugas.

Individu lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang mereka mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding dengan aktiviti lain (Van der Bill & Shortridge-Baggett, 2002). Efikasi sendiri menyediakan asas kepada motivasi manusia, kesejahteraan dan pencapaian peribadi. Hal ini disebabkan oleh individu itu sendiri mempunyai insentif yang tinggi untuk menghadapi cabaran dan dapat menjana hasil yang diinginkan apabila individu tersebut diberi kepercayaan.

Muhammed Yusuf (2011) pula berpendapat efikasi sendiri dalam akademik menjadikan pelajar sentiasa berfikir tentang cara yang paling berkesan untuk menyempurnakan setiap tugas. Dalam kajian ini, efikasi sendiri merujuk kepada tahap keyakinan dan kepercayaan sendiri seseorang pelajar untuk menyelesaikan sesuatu tugas dan menghasilkan sesuatu yang terbaik mengikut kemampuan masing-masing. Setiap individu perlu bersandar kepada kepercayaan efikasi sendiri untuk memimpin gerak laku dan tindakan sepanjang hidupnya. Ia turut mendorong individu lebih bertenaga, berusaha serta berkemampuan untuk bertahan demi memastikan tugasnya terlaksana (Yusof & Tumairah, 2011)

Penguasaan Bahasa Arab

Bagi mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik, murid-murid sepatutnya menunjukkan sikap yang selari dengan minat mereka seperti membaca bahan bahasa Arab, mendengar perbualan dalam bahasa Arab, mencari maklumat dalam bahasa Arab melalui kemudahan internet dan tidak ketinggalan berkomunikasi dengan mereka yang memiliki kemampuan bertutur bahasa Arab di bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di kafe dan sebagainya (Ab. Halim & Wan Mohamad, 2006). Oleh itu, perubahan sikap yang negatif kepada sikap positif adalah penting untuk menjamin kejayaan seseorang itu dalam menguasai bahasa Arab dan apa juga subjek yang dipelajari (Muhamad Suhaimi *et al.*, 2014). Justeru, satu kajian wajar dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran asas bahasa Arab.

Menurut Jasmi (2002) bahasa Arab sebagai satu model program j-QAF merupakan bahasa asing di Malaysia. Namun kedudukannya adalah berlainan berbanding bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa kedua. Oleh itu, pengamalan bahasa Arab dalam kehidupan adalah terhad dan terbatas dalam sistem pendidikan formal sahaja, ditambah pula dengan murid-murid yang bersifat pasif dan guru yang jarang berkomunikasi dalam bahasa Arab (Rosni, 2009). Kesannya, murid-murid aliran agama kini tidak mampu untuk menulis atau membaca di dalam bahasa Arab dengan baik apatah lagi untuk bertutur dengan lancar. Tahap penguasaan murid sentiasa menjadi ukuran kepada keberhasilan proses pembelajaran yang dilaksanakan. Hal ini kerana PdPc yang berkesan dapat membantu murid untuk meningkatkan prestasi dan membentuk sikap positif dalam pembelajaran. Menurut Jaggil & Muhamad Suhaimi (2018b), guru juga perlu menggunakan kreativiti untuk meningkatkan pengajaran masing-masing. Seperti yang dinyatakan oleh Zamri (2012), guru memainkan peranan penting untuk memastikan tahap penguasaan murid berada pada tahap optimum. Selain itu, komitmen pelajar juga amat dituntut bagi memastikan pembelajaran berkesan (Elver *et al.*, 2017).

Penguasaan bahasa Arab bukanlah sesuatu yang mustahil dilaksanakan bagi para pelajar yang mempunyai cita-cita yang mulia ini. Mengetahui strategi dan pendekatan yang efektif adalah langkah bijak untuk menuju puncak merealisasikan impian ini (Wan Azura, Lubna, Arnida & Ahmad Pangidoan, 2006). Isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan Bahasa Arab Tinggi (P&P BA & BAT) adalah amat rencam dan pelbagai ragam. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab di kalangan murid-murid Melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Menurut Khalid dan Muhamad Suhaimi (2018b), pelbagai kaedah pengajaran seperti perbincangan boleh dilaksanakan dalam kelas untuk meningkatkan tahap pembelajaran. Satu perkara biasa dalam pembelajaran bahasa adalah terdapat murid-murid yang sentiasa berjaya berbanding murid-murid lain (Song 2004). Kejayaan ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Contohnya, kemajuan mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang baik dalam ujian bahasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti efikasi sendiri dan penguasaan Bahasa Arab murid. Ini merupakan satu kajian tinjauan berlandaskan pendekatan kuantitatif yang mengguna pakai set soal selidik dan set ujian sebagai instrumen kajian. Instrumen-instrumen tersebut menunjukkan nilai kesahan yang baik iaitu analisis faktor menunjukkan

setiap item menunjukkan nilai faktor muatan melebihi 0.40. Nilai kebolehpercayaannya juga adalah tinggi dengan nilai alpha Cronbach melebihi 0.70. Kajian ini melibatkan seramai 200 orang sampel yang dipilih secara rawak mudah dari kalangan murid-murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah di Bahagian Pantai Barat Utara Sabah, bagi memberikan peluang secara adil kepada semua individu dalam pemilihan untuk menjadi sampel kajian. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif dan juga analisis inferensi (korelasi Pearson dan regresi mudah).

Dapatan Kajian

Analisis Diskriptif

Jadual 1 menunjukkan taburan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item efikasi sendiri akademik murid-murid. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap sederhana ($M=3.615$, $SP=0.708$). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa responden menunjukkan pelbagai reaksi terhadap efikasi sendiri akademik mereka. Berdasarkan dapatan, majoriti responden sangat bersetuju dengan “*Saya akan meminta pertolongan daripada guru sekiranya mengalami kesukaran dalam menyiapkan tugas*” (54%). Ini diikuti dengan “*Saya sentiasa memberikan sepenuh perhatian semasa guru sedang mengajar*” (42.5%). Terdapat juga responden bersetuju dengan “*Saya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran walaupun terdapat perkara menarik sedang berlaku disekeliling saya*” (36.5%). Bagi pernyataan “*Saya akan meminta pertolongan daripada guru sekiranya mengalami kesukaran dalam menyiapkan tugas*” mencatatkan min yang tertinggi ($M= 4.145$, $SP=1.162$) iaitu bersetuju dengan dapatan tersebut dan “*Saya sentiasa lulus dalam ujian yang dijalankan di sekolah*” mencatatkan min yang terendah ($M=3.145$, $SP=1.229$) iaitu tidak pasti dengan dapatan tersebut.

Jadual 1: Taburan Skor Bagi Setiap Item Efikasi Kendiri Akademik Murid

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Saya akan meminta pertolongan daripada guru sekiranya mengalami kesukaran dalam menyiapkan tugas	12 (6%)	7 (3.5%)	29 (14.5%)	44 (22%)	108 (54%)	4.145	1.162
Saya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran walaupun terdapat perkara menarik sedang berlaku di sekeliling saya	12 (6%)	15 (7.5%)	58 (29%)	73 (36.5%)	42 (21%)	3.59	1.085
Saya akan mengulangkaji setiap topik untuk ujian yang dijalankan oleh guru	11 (5.5%)	13 (6.5%)	52 (26%)	66 (33%)	58 (29%)	3.735	1.113
Saya berjaya menyiapkan tugas yang diberikan setiap hari dengan jayanya	18 (9%)	26 (13%)	52 (26%)	67 (33.5%)	37 (18.5%)	3.395	1.189

Saya sentiasa memberikan sepenuh perhatian semasa guru sedang mengajar	8 (4%)	13 (6.5%)	49 (24.5%)	45 (22.5%)	85 (42.5%)	3.93	1.136
Saya sentiasa berjaya untuk memahami setiap subjek disekolah	15 (7.5%)	36 (18%)	68 (34%)	24 (12%)	57 (28.5%)	3.36	1.272
Saya sentiasa membuat ibubapa saya kagum apabila saya berjaya menyiapkan kerja sekolah	14 (7%)	14 (7%)	60 (30%)	57 (28.5%)	55 (27.5%)	3.625	1.162
Saya sentiasa lulus dalam ujian yang dijalankan di sekolah	24 (12%)	31 (15.5%)	72 (36%)	38 (19%)	35 (17.5%)	3.145	1.229
Min Keseluruhan						3.615	0.708

Jadual 2 menunjukkan taburan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item efikasi sendiri sosial pelajar. Secara keseluruhan menunjukkan skor adalah pada tahap sederhana ($M=3.399$, $SP=0.606$). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa responden menunjukkan pelbagai reaksi terhadap efikasi sendiri sosial mereka. Berdasarkan dapatan, majoriti responden bersetuju dengan “*Saya sentiasa menunjukkan reaksi gembira*” (46%). Terdapat juga responden tidak pasti dengan “*Saya sentiasa meyakinkan diri sendiri apabila berada dalam keadaan rendah diri*” (44.5%). Bagi pernyataan “*Saya sentiasa berterus terang kepada rakan-rakan saya apabila tidak sihat*” mencatatkan min yang tertinggi ($M= 3.515$, $SP=1.235$) iaitu tidak pasti terhadap pernyataan tersebut dan “*Saya sentiasa Berjaya mengharungi keadaan yang tidak menyenangkan*” mencatatkan min yang terendah ($M=3.135$, $SP=1.064$) iaitu tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

Jadual 2: Taburan Skor Bagi Setiap Item Efikasi Kendiri Sosial Murid

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Saya sentiasa menunjukkan reaksi gembira walaupun berhadapan dengan masalah	11 (5.5%)	27 (13.5%)	46 (23%)	92 (46%)	24 (12%)	3.455	1.045
Saya sentiasa bersikap tenang walaupun berada dalam keadaan ketakutan	14 (7%)	33 (16.5%)	47 (23.5%)	75 (37.5%)	31 (15.5%)	3.38	1.141
Saya sentiasa mengawal rasa gemuruh saya	25 (12.5%)	16 (8%)	69 (34.5%)	59 (29.5%)	31 (15.5%)	3.275	1.194
Saya berjaya mengawal perasaan saya apabila berada dalam kelas	10 (5%)	29 (14.5%)	54 (27%)	74 (37%)	33 (16.5%)	3.455	1.083

Saya sentiasa meyakinkan diri sendiri apabila berada dalam keadaan rendah diri	11 (5.5%)	21 (10.5%)	89 (44.5%)	54 (27%)	25 (12.5%)	3.305	1.003
Saya sentiasa berterus terang kepada rakan-rakan saya apabila saya tidak sihat	24 (12%)	14 (7%)	38 (19%)	83 (41.5%)	41 (20.5%)	3.515	1.235
Saya sentiasa berjaya mengharungi keadaan yang tidak menyenangkan	15 (7.5%)	39 (19.5%)	67 (33.5%)	62 (31)	17 (8.5%)	3.135	1.064
Saya sentiasa berfikiran terbuka	8 (4%)	19 (9.5%)	64 (32%)	52 (26%)	57 (28.5%)	3.655	1.11
Saya sentiasa menerima apa sahaja keadaan yang akan berlaku	21 (10.5%)	12 (6%)	79 (39.5%)	38 (19%)	50 (25%)	3.42	1.225
Min Keseluruhan						3.399	0.606

Analisis Inferensi 1: Mengenal Pasti Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Penguasaan Bahasa Arab

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan penguasaan Bahasa Arab

Jadual 3 menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dengan penguasaan Bahasa Arab. Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan lemah serta signifikan antara efikasi kendiri dengan penguasaan Bahasa Arab ($r=0.329$ $n=200$ $p=0.000$). Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan penguasaan Bahasa Arab. Oleh itu, hipotesis nul pertama ditolak.

Jadual 3: Korelasi Antara Efikasi Kendiri dengan Penguasaan Bahasa Arab

Faktor		Efikasi kendiri
Penguasaan	Pearson Correlation	0.329**
	Sig. (2-tailed)	0.000
	N	200

Analisis Inferensi 2: Mengenal pasti pengaruh efikasi kendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab

Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan efikasi kendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab

Jadual 4 menunjukkan pengaruh variabel bebas iaitu efikasi kendiri terhadap penguasaan Bahasa Arab. Berdasarkan Ujian ANOVA, dapatan pengaruh variabel bebas adalah signifikan terhadap penguasaan Bahasa Arab [$F(3,196) = 8.006$ $p < 0.05$]. Seterusnya, bagi ujian regresi berganda menunjukkan efikasi kendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa Arab, iaitu nilai $r=.33$. Nilai $R^2=0.109$ yang menjelaskan bahawa 10.9% perubahan dalam penguasaan bahasa Arab adalah disebabkan oleh perubahan dalam

efikasi sendiri. Ini bererti bahawa efikasi sendiri merupakan faktor yang menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab. Nilai β pula adalah 0.327 yang menjelaskan bahawa apabila sisihan piawai bagi efikasi murid berubah atau bertambah 1 unit, maka sisihan piawai bagi penguasaan pelajar akan berubah atau bertambah sebanyak 0.327. Oleh kerana nilai sig. adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p=0.001$), maka hipotesis nul kedua adalah ditolak.

Jadual 4: Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Penguasaan Bahasa Arab

Variabel Peramal	β	t	P (Sig)
Efikasi Kendiri	.327	3.267	.001

Maklumat:

Efikasi Kendiri

$R^2 = .109$

$\Delta R^2 = .096$

$F = 24.043$

Perbincangan dan Rumusan

Merujuk kepada dapatan kajian ini, efikasi sendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Efikasi sendiri memberikan pengaruh yang penting terhadap tingkah laku seseorang individu. Ianya mempunyai perkaitan dengan banyak pembolehubah. Ianya merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai sesuatu matlamat. Seperti dalam kajian ini, efikasi sendiri mempengaruhi tahap penguasaan murid dalam pelajaran. Contohnya, seorang murid yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berupaya untuk berjaya dan menguasai bidang akademik dengan cemerlang (Mohammad Azman *et al.*, 2019). Dalam memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid, satu usaha dan langkah perlu difikirkan dalam menghasilkan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Perkara ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab yang mantap dan cemerlang. Dapat dilihat secara jelas bahawa aspek pengajaran berperanan besar dalam menjana kejayaan pembelajaran bahasa Arab dan juga bagi subjek-subjek lain (Mazni Muhammad *et al.*, 2019). Justeru, tenaga pengajar perlu memainkan peranan mereka untuk menghasilkan pengajaran yang berkualiti (Khalid & Muhamad Suhaimi, 2018). Kualiti pengajaran mampu dihasilkan sekiranya guru bijak dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik. Selain itu, pengetahuan luas dan aplikasi ilmu pedagogi akan menjamin kegemilangan proses pembelajaran bahasa Arab.

Sebagai seorang guru, kita haruslah dapat meningkatkan diri dengan pelbagai teknik dan kaedah mengajar agar pengajaran yang dilaksanakan tidak membosankan dan menarik minat murid-murid. Selain dari itu sebagai seorang guru, kita harus memperbanyakkan ilmu pengetahuan agar dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan termasuklah dengan menggunakan pelbagai pendekatan seperti ICT dan e-pembelajaran (Muhamad Suhaimi & Agatha, 2020). Guru juga haruslah bijak, kreatif dan inovatif dan bijak menyelesaikan masalah khususnya di dalam kelas supaya suasana pembelajaran lebih kondusif dan efektif.

Bibliografi

Ab. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong, 2006, "Antara Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Bachelo Bahasa Arab di IPTA

- Malaysia". Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 5). Bangi. Pusat Penerbitan dan Percetakan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Rahim Ismail. 2004. *Al-lughah al-cArabiyyah: Dawruha wa makānatuha fi alhādir wa al-mustaqbal*. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad. (pnyt.), al-Hadhārah, hlm. 135-144. UKM: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam.
- Abdul Rahim, H., & Hayazi, M. Y. (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Universiti Teknologi Malaysia, 1-8.
- Abd Razak bin Abu Chik (2007). *Memperkenalkan Bahan Bahasa Arab Yang Menarik dan Khidmat Bimbingan Secara Percuma. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban.
- Agatha Francis Umbit, Muhamad Suhaimi Taat. (2016). The Effects Of Expectations And Satisfaction Towards E-Learning Among Students. *Journal Of Modern Education Review*, 6(9):603-611.
- Anida Abd.Rahim. (2003). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, K.Lumpur.
- Azrul Azlan (2014). Satu tinjauan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mata pelajaran lukisan kejuruteraan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Elver Fazly Charlie, Fiffy Hanisdah Saikim, Muhamad Suhaimi Taat. (2017). Students' Interpretation and Commitment Of Conservation Contents Based On School Context. *Transaction On Science And Technology*, 4(2): 157-165.
- Ghazali Yusri, and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Parilah M. Shah. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10 (2):15-33.
- Gladys De Rozario, Muhamad Suhaimi Taat. (2015). The Influence Of Learning Environment And Academic Self-Efficacy Towards Mathematics Achievement In Masterskill Global College, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*, 1: 43-53.
- Heinich, R. (2016). The use of computers in education: A response to streibel. *ETCJ*, 36.
- Ishak Baba. (2009). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM. *Geran Jangka Pendek*.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018a). Pengaruh Kesiediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(4): 6-22.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018b). Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3): 64-79.
- Jasmi Amin. (2002). Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dari sudut pembacaan dan penulisan: Satu kajian terhadap murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru. Johor. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hamat (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran: Satu tinjauan di kalangan pelajar pengajian kejuruteraan jentera di dua buah sekolah menengah teknik di Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin Hj Husin (2015). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018a). The Use of the Discussion Method at University: Enhancement of Teaching and Learning. *International Journal of Higher Education*, 7(6): 118-128.
- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018b). The Impact of Using the Lecture Method on Teaching English at University. *European Journal of Education Studies*, 4(5): 285-301.
- Lundsteen, S. W. 2001. *Listening: Its impact at all levels on reading and the other language arts*. 2nd Ed. Illinois: National Council of Teachers of English.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shaharuddin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu ' uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1): 51–61.
- Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-dasar umum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia [General principles of Arabic Language teaching in Malaysia]*. In Mohd. Rosdi Ismai & Mat Taib Pa (Eds.), *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia [The teaching and learning of the Arabic Language in Malaysia]*. (Kuala Lumpur: University Malaya publications.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan antara kualiti guru Bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Azman Jongkulin, Roslee Talip, Muhamad Suhaimi Taat. (2019). Pendidikan Inklusif: Efikasi Kendiri Guru Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7): 87-95
- Mohd. Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012) *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan di Smap Kajang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazni Muhammad, Roslee Talip, Muhammad Suhaimi Taat. (2019). Pengaruh Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta di Sabah. *Jurnal Ilmi*, 9: 102-119.
- Muhamad Suhaimi Taat & Mohd Yusof Abdullah. (2014). The Influence of Attachment Styles on Students's Self Directed Learning. *International Interdisciplinary Journal of Scientific Research*, 1: 1-5.
- Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip. (2014). Motivasi Sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran Dan Bimbingan Guru Dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan Model SEM/AMOS. *Sains Humanika (UTM)*, 1: 127-132.
- Muhamad Suhaimi Taat & Agatha Francis. (2020). Factors Influencing the Students' Acceptance Of E-Learning at Teacher Education Institute: An Exploratory Study in Malaysia. *International Journal of Higher Education*, 9(1): 133-141.
- Muhamad Suhaimi Taat, Gladys De Rozario. (2014). The Influence of Academic Attitude and Self-Efficacy Towards Students Achievement in Private Higher Learning Institution, Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1: 41-50.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). *Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nur Hayati Abdullah. (2002). *Sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua*. Dewan Bahasa. Mei.
- Nurzahra Binti Othman, Dr. Roslee Bin Talip, Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Bin Taat. (2018). Kepentingan Penyeliaan Klinikal Terhadap Kompetensi Jururawat di Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan Dan Sains Kesihatan*.2(1): 93-104.

- Robin L. Walton. (2002). A Comparison of Perceived Stress Levels and Coping Styles of Junior and Senior Students in Nursing and Social Work Programs. Marshall University Huntington, West Virginia.
- Rosni Samah (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tan Choon Keong dan Carol Abu. (2013). Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A.Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. (2006). Pendekatan Dan Starategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Zamrah Yaacob (2015). Satu kajian mengenal pasti faktor-faktor kelemahan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.